



**WEST COAST EXPRESSWAY
SDN BHD**
(339890-P)

UNTUK SIARAN SEGERA

**PELAKSANAAN SKIM PENGURUSAN TRAFIK DI JALAN PERSEKUTUAN FT54 (PARIT MAHANG) BAGI
PEMBINAAN LEBUHRAYA WCE.**

West Coast Expressway Sdn Bhd (“WCEsb”) ingin memaklumkan penutupan sementara Jalan FT54 di kedua-dua arah bagi kerja-kerja pelancaran rasuk jambatan S6-8 merentasi jalan persekutuan FT54 bagi projek Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (Taiping-Banting).

Laluan alternatif bagi pengguna trafik yang ingin ke Kuala Lumpur boleh melalui Lebuhraya LATAR melalui persimpangan Ijok dan keluar di persimpangan Puncak Alam atau boleh melalui Jalan Rawang ke Jalan Saga dan terus melalui Jalan Persekutuan FT54 untuk ke Kuala Lumpur.

Manakala bagi pengguna yang ingin ke Kuala Selangor melalui Jalan Persekutuan FT54 boleh melalui Jalan Saga ke Jalan Rawang dan keluar di Kuala Selangor atau menggunakan lebuhraya LATAR menerusi persimpangan Puncak Alam dan keluar di persimpangan Ijok untuk ke Kuala Selangor.

Justeru itu, kerja-kerja pelancaran rasuk akan dilaksanakan pada tarikh dan masa di ketetapan berikut:

4 Januari 2022 (10 malam – 5 pagi)

5 Januari 2022 (10 malam – 5 pagi)

6 Januari 2022 (10 malam – 5 pagi)

Pengguna dinasihatkan memandu berhati-hati dan mematuhi arahan papan tanda dan juga petugas trafik sepanjang tempoh pelaksanaan ini.

Pihak WCEsb memohon maaf di atas segala kesulitan yang dihadapi. Segala perhatian dan kerjasama dari pengguna lebuhraya amatlah dihargai. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai kami iaitu **En. Muhammad Nashrul Azri Bin Mazlan** di talian **013 664 4761** atau wakil kontraktor terlibat iaitu **En. Ridzuan Bin Abdul Razak** (Project Manager Ganda Imbuhan Sdn Bhd) di talian **017 713 2004**.

Sebarang aduan dan keterangan lanjut, sila hubungi:

Jabatan Perhubungan Awam
West Coast Expressway Sdn Bhd
Tel: 03-3082 1999
Fax: 03-3082 1998
Infoline: 1700-81-6600
Email: info@wce.com.my

Tarikh	4 – 6 Januari 2022
Masa	10.00 malam – 5.00 pagi
Tempoh	3 hari
Tujuan	Pemasangan Rasuk Jambatan Bagi Projek Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE)

